

U B800 AAB

MAHATHIR

LABUAN, 18 APRIL (BERNAMA) -- PENDUDUK MALAYSIA TELAH DAPAT HIDUP DALAM KEADAAN RUKUN DAMAI ANTARA SAMA LAIN SUNGGUHPUN MEREKA TERDIRI DARIPADA BERBAGAI KAUM DAN KETURUNAN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

MENURUT PERDANA MENTERI INILAH PERBEZAAN DI ANTARA MALAYSIA DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN YANG JUGA PENDUDUKNYA TERDIRI DARIPADA BERBILANG KAUM.

+KALAU KITA PERHATIKAN NEGARA-NEGARA INI, BERMACAM-MACAM MASALAH TIMBUL SEHINGGA KADANG-KADANG TERJADI PERANG SAUDARA,+ KATANYA KETIKA MERASMIKANN PROJEK MENAIKKAN TARAF RANGKAIAN JALAN RAYA SELURUH LABUAN DI HADAPAN BANGUNAN KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEADAAN INI BERLAKU KERANA MASING-MASING KAUM CUMA MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN DIRI SENDIRI DENGAN TIDAK MEGNAMBIL KIRA KEPENTINGAN KAUM-KAUM LAIN.

+OLEH KERANA SESUATU KAUM CUBA MENGUASAI KEADAAN BAGI DIRINYA SAHAJA MAKA KAUM-KAUM LAIN TETAP AKAN MENENTANG KAUM ITU,+ TEGASNYA. -- LAGI.

1303MST 18 04 86

D037

U B801 AAB
MAHATHIR 2 LABUAN

TETAPI DI MALAYSIA, KATANYA, KEADAAN INI TIDAK BERLAKU KERANA DI BAWAH KERAJAAN BARISAN NASIONAL TIDAK ADA KAUM YANG TIDAK DIWAKILI.

MASING-MASING KAUM BOLEH MENGELUARKAN PENDAPAT DAN HANYA PERKARA YANG DIPERSETUJUI OLEH SEMUA PIHAK SAHAJA DILULUSKAN, MENURUTNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SUNGGUHPUN BENAR RUSUHAN KAUM BERLAKU DI MALAYSIA PADA 1969, TETAPI IA HANYA TERHAD DI KUALA LUMPUR DAN TELAH DIATASI DALAM JANGKA MASA YANG PENDEK.

SELEPAS PERISTIWA ITU, KATANYA, SEMUA KAUM TELAH MENYUARAKAN HASRAT MEREKA UNTUK BEKERJASAMA DAN PARTI-PARTI YANG DAHULUNYA MENJADI PEMBANGKANG SEPERTI PARTI GERAKAN, PARTI PROGRESIF RAKYAT (PPP), PAS DAN JUGA SUPP DI SARAWAK TELAH MENYERTAI KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DENGAN KEWUJUDAN KONSEP KERJASAMA INI PEMBANGUNAN NEGARA TELAH BERJALAN DENGAN PESAT DAN MEMBAWA KEUNTUNGAN KEPADA SEMUA KAUM. -- LAGI.

1307MST 18 04 86

D039

U B802 AAB
MAHATHIR 3 LABUAN

+KERJASAMA INILAH YANG INGIN KITA KEKALKAN MELALUI BARISAN NASIONAL YANG JUGA TELAH MENGHASILKAN KEADAAN AMAN DI NEGARA INI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEAMANAN YANG WUJUD TELAH MEMBOLEHKAN RAKYAT BERBILANG KAUM HIDUP RUKUN DAMAI.

+KITA INGIN MELIHAT RAKYAT MALAYSIA MENDAPAT PELUANG Mencari MAKAN MENGIKUT KEBOLEHAN MASING-MASING,+ KATANYA, SAMBIL MENJELASKAN PELUANG INI TIDAK AKAN ADA SEKIRANYA KEADAAN KACAU BILAU.

MENGENAI LABUAN, PERDANA MENTERI BERKATA MEMANG MENJADI HASRAT KERAJAAN UNTUK MENJADIKANNYA SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN DAN PELAJARAN.

BAGAIMANAPUN, JELASNYA, RANCANGAN INI TERGENDALA SEDIKIT KERANA MASALAH KEWANGAN. -- LAGI.

1310MST 18 04 86

D041

U B803 AAB
MAHATHIR 4 LABUAN

SEHUBUNGAN INI, KATANYA, PIHAK SWASTA DIJEMPUT UNTUK MELABUR DALAM INSTITUSI PELAJARAN YANG BOLEH MENYEDIAKAN PARA PELAJAR UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN DI LUAR NEGERI.

MENURUT PERDANA MENTERI, DENGAN CARA INI PERBELANJAAN DAPAT DIJIMATKAN KERANA SETIAP PELAJAR YANG AKAN KE LUAR NEGERI AKAN BELAJAR DAHULU SELAMA DUA TAHUN DI DALAM NEGERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA LABUAN AKAN DIKEKALKAN SEBAGAI PELABUHAN CUKAI BEBAS BAGI MEMBANTU PENDUDUKNYA DAN JUGA UNTUK MENINGKATKAN PERNIAGAAN YANG ADA.

TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN, ENCIK AHMAD SHAH TAMBAKAU, DALAM UCAPANNYA MENGENAI PROJEK TERSEBUT, BERKATA PROJEK ITU MELIPUTI 21 RANGKAIAN JALAN RAYA SEPANJANG 64.4 KM YANG MENELAN BELANJA \$96 JUTA.

DARIPADA JUMLAH ITU, \$41 JUTA DIBELANJAKAN OLEH KERAJAAN NEGERI SABAH SEBELUM LABUAN DIJADIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN PADA 1984 SEMENTARA BAKI \$55 JUTA, DARI KERAJAAN PERSEKUTUAN. -- LAGI.
1316MST 18 04 86

D042

U B804 AAB
MAHATHIR 5 LABUAN

+DENGAN SIAPNYA PEMBAIKAN INI KERJA-KERJA PEMASANGAN PAPAN TANDA DAN MENCANTIKKAN JALAN RAYA SEDANG DILAKSANAKAN,+ KATANYA.

ENCIK AHMAD SHAH BERKATA KERJA-KERJA PEMBAIKAN BAGI FASA KEDUA MELIPUTI 12.8 KM DENGAN ANGGARAN BELANJA \$21 JUTA AKAN DITERUSKAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELIMA OLEH JABATAN KERJA RAYA WILAYAH PERSEKUTUAN.

FASA KEDUA ITU JUGA MELIPUTI PEMASANGAN LAMPU-LAMPU JALAN RAYA SERTA PEMBAIKAN LONGKANG-LONGKANG.

YANG TURUT HADIR PADA UPACARA ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH ALI, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN, DATUK DR. ELYAS OMAR, BEKAS KETUA MENTERI SABAH, DATUK HARRIS SALLEH DAN BEKAS SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH, TAN SRI MOHAMED SUNOH MARSO. -- BERNAMA.
1319MST 18 04 86